

Hubungan Asean — Australia akan dibincang

JAKARTA, Ahad — Menteri Luar negara-negara Asean bertemu di sini esok untuk membincangkan perkembangan terbaru mengenai masalah Kampuchea dan perhubungan dengan Australia setelah ia mengubah pendiriannya mengenai isu itu.

Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumaatmadja berkata, Kampuchea adalah perkara pertama dalam agenda mesyuarat Asean yang akan diadakan di bangunan urusetia Asean di sini selepas semua Menteri Luar menemui Presiden Suharto esok.

Prof. Mochtar, pengerusi jawatankuasa tetap Asean Jumaat lalu berkata, mesyuarat itu akan membincangkan dengan ringkas hubungan Asean dengan Australia, tetapi tidak semestinya mengenai sekatan-sekatan setelah Canberra enggan menganjur bersama ketetapan Asean mengenai Kampuchea di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bersikap sederhana

Para diplomat berkata, Prof. Mochtar sendiri dijangka mengesakan rakan-rakan bersikap sederhana walaupun beberapa buah nega-

ra, terutama Thailand dan Malaysia, mahukan tindakan terhadap diambil terhadap Australia.

Prof. Mochtar berkata para menteri itu juga akan membincangkan pilihan-pilihan lain terhadap pasukan pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu jika Vietnam mengundurkan kira-kira 180,000 askarnya dari Kampuchea.

Vietnam telah pun menolak cadangan sebuah pasukan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana pertubuhan dunia itu, seperti Asean, mengiktiraf kerajaan campuran Demokratik Kampuchea dan tidak rejim Heng Samrin sokongan Vietnam.

Asean bulan lalu menyeru Vietnam mengundurkan tenteranya secara berperingkat mengikut kawasan, bermula dengan segenting sepanjang sempadan Thai. Ia masih menunggu jawapan Vietnam.

Prof. Mochtar berkata, pengunduran mengikut bilangan yang menurut Vietnam sedang dilakukan sekarang tidak bermakna kerana ia mustahil dipastikan.

Timbang

Cadangan terbaru Asean yang digariskan dalam kenyataan bersama Menteri-menteri Luar yang dikeluarkan oleh Prof Mochtar pada 20 September, menyeru pengunduran secara berperingkat dan berikutnya gencatan senjata yang diawasi oleh pasukan pengaman antarabangsa.

Laporan-laporan yang tidak dapat disahkan dari Kuala Lumpur membayangkan bahawa Malaysia mungkin bersedia menimbangkan kemungkinan penyertaan Vietnam dalam pasukan seperti itu.

Menteri Luar Filipina, Carlos Romulo, 85 tidak dapat hadir kerana sebab-sebab kesihatan. — Reuter.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia